



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/07/49 (HQ)

TNB RAI RAKAN KORPORAT

Majlis Mesra Aidilfitri TNB 2017, khusus untuk meraikan rakan-rakan korporat Syarikat berlangsung meriah dan penuh semangat muhibah di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Ibu Pejabat TNB, di sini, hari ini.

Kehadiran Menteri Tenaga, Teknologi Hijau & Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili berserta Timbalannya, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit telah menyerikan lagi majlis yang menyaksikan lebih seribu orang tetamu termasuk para media, kontraktor dan vendor TNB.

Turut hadir Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Ir Azman Mohd, Ahli Lembaga Pengarah serta barisan pengurusan tertinggi Syarikat.

“Majlis yang diadakan setiap tahun ini bertujuan meraikan dan mengeratkan hubungan baik dan memperkukuh jalinan kerjasama dengan rakan-rakan korporat TNB,” kata Leo Moggie.

Majlis yang bermula jam 12 tengah hari ini turut diserikan dengan persembahan koir Universiti Institut Teknologi MARA (UiTM) sementara kumpulan Alun Tradisi dan Nuansa Irama Ghazal telah menghidupkan lagi suasana Aidilfitri dengan alunan irama tradisional.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 12:00 tengah hari, 18 Julai 2017

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke media@tnb.com.my*